

22/06/2002

Advanced Taser senjata tangan guna arus elektrik

Anida Salwani Abdul Hadi

BERIKUTAN tragedi 11 September tahun lalu di Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon, Amerika Syarikat, masyarakat dunia mula mengambil langkah berwaspada dengan meningkatkan tahap keselamatan bagi mengelak kejadian yang sama berulang.

Industri pertahanan dunia juga mula mendapat perhatian dengan penghasilan pelbagai jenis senjata dan kenderaan berperisai, sama ada untuk kegunaan perlindungan perseorangan mahupun untuk kegunaan pasukan keamanan negara.

Sebuah syarikat pembuat senjata Amerika, Taser International tidak ketinggalan memberi sokongan dalam kempen antikeganasan yang diperkenalkan Presidennya, George W Bush.

Presiden syarikat itu, Tom Smith baru-baru ini berada di Kuala Lumpur untuk memperkenalkan Advanced Taser M-Series, senjata tangan paling berkuasa hari ini yang mana boleh menggagalkan tindakan lawan selama lima saat.

Senjata Advanced Taser mempunyai beberapa model seperti M26, yang digunakan polis manakala M18L dan M18 untuk kegunaan awam di Amerika Syarikat.

Tentu tiada yang percaya wujudnya senjata seperti pistol yang menggunakan 'peluru' lalu menghasilkan tenaga elektrik sebanyak 26 Watt atau 50,000 Voltan terhadap sasaran selamat, sekali gus dapat menjatuhkan pihak lawan.

Dalam demonstrasi khasnya kepada Berita Harian, beliau berjaya meyakinkan bahawa Advanced Taser itu boleh mengurangkan risiko terhadap penggunaanya dan sasaran, walaupun jika ia tersasar kepada wanita mengandung, ia tidak akan menjejaskan ibu atau pun anak dalam kandungan.

Penggunaan terbaik adalah ketika berhadapan dengan situasi rusuhan atau berdepan dengan pesakit jiwa yang mengugut untuk terjun bangunan atau drama tebusan atau penjenayah bersenjata yang cuba melarikan diri.

Apabila melepaskan tembakan dari jarak kira-kira lima hingga tujuh meter, ia akan mengeluarkan dua peluru bermata kail selain disambung dengan wayar yang boleh mengalirkan arus elektrik.

Sebaik saja, peluru itu terkena pada sasaran, alat itu akan mengalirkan arus elektrik, walaupun sasaran memakai baju setebal dua inci.

Advanced Taser hanya menggunakan lapan bateri saiz AA untuk berfungsi.

Apa yang berlaku ialah arus elektrik itu akan mengganggu isyarat otak kepada otot badan selama lima saat, menyebabkan penguncupan dan sistem badan gagal berfungsi lalu sasaran akan terjatuh.

"Biasanya, penjenayah sukar untuk bangun dan meneruskan niat mencederakan orang lain.

"Jika itu berlaku, pengguna Taser M26 boleh menarik picu pistol itu dan menjatuhkan sasaran mereka selama lima saat lagi.

"Penjenayah itu biasanya akan terkaku, menjerit, penguncupan otot yang tidak terkawal, berasa kebingungan seketika serta berasa semut-semut di beberapa bahagian badan.

"Ketika itu, penjenayah boleh ditahan untuk diserahkan kepada pihak berkuasa," katanya.

Selain itu, teknologi Advanced Taser turut disertakan ciri kawalan penggunaan yang sistematik bagi mengelak senjata itu daripada disalahgunakan.

Ia dilengkapi sistem data apabila setiap kali ia ditembak, kira-kira

40 biji konfeti seperti `kad pengenalan' dikenali sebagai `Tag Afid' akan terkeluar dengan maklumat mengenai tarikh dan masa ia digunakan.

Tag itu juga akan memberikan maklumat mengenai pemilik senjata itu.

"Ada beberapa kejadian di mana pegawai polis mengambil kesempatan menggunakan alat itu untuk menyeksa banduan ketika menyoal siasat.

"Bagaimanapun, jika ada aduan, pihak atasan boleh memeriksa data Advanced Taser itu bagi mengesan kejadian berkenaan," katanya.

Selain itu, keberkesanan alat berkenaan lebih tinggi berbanding penyembur atau senjata api kerana tidak mencederakan dan tidak mempunyai kesan jangka panjang.

Pelurunya hanya perlu menyentuh badan penjenayah itu, walaupun ibu jari, ia tetap memberikan kesan yang sama ke seluruh badan.

Sementara itu, Pengarah Pengurusan Syarikat Pro Ice Sales & Services (M) Sdn Bhd yang menjadi pengedar tunggal Advanced Taser di Asia, Roger Tan, berkata beliau berharap dapat menjual peralatan itu kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) selepas mendapatkan kelulusan kerajaan.

"Malaysia adalah negara pertama yang menunjukkan minat dan kita menerima reaksi positif daripada Kementerian Kesihatan.

"Selain itu, kita juga sudah merujuk kepada Jabatan Kimia, Kementerian Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Logistik Bukit Aman serta Jabatan Pelesenan untuk mendapatkan panduan serta kelulusan," katanya ketika ditemui selepas taklimat dan demonstrasi senjata itu.

Beliau berkata, penggunaannya di Malaysia dilihat sebagai langkah yang baik kerana ia selaras dengan kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang mahukan kawalan ketat terhadap penggunaan senjata api.

"Dr Mahathir pernah menyarankan supaya penguat kuasa undang-undang untuk menahan penjenayah dan dihadapkan ke mahkamah daripada terus membunuhnya," katanya.

Pada Disember 1997, Dr Mahathir dalam ucapannya di Lima '97 berkata, senjata yang digunakan terhadap penjenayah, lanun atau pengedar dadah hanya perlu melumpuhkan dari jarak tertentu.

Selain itu, difahamkan, PDRM sedang menilai keperluan serta perolehan senjata berkenaan dan sudah mencubanya sejak lima bulan lalu.

Sementara itu, Tan berkata, pihaknya juga bercadang menjual senjata itu kepada Penerbangan Malaysia (MAS) untuk digunakan bagi tujuan keselamatan dan mengelak kejadian seperti tragedi 11 September di Amerika daripada berlaku di sini.

"Selain itu, senjata berkenaan juga boleh digunakan oleh penguat kuasa undang-undang lain seperti Imigresen, Kastam atau Rela bagi mengawal keselamatan atau apabila berdepan dengan penjenayah yang tidak perlu dibunuh," katanya.

Pada masa sama, Taser International juga sedang menunggu kelulusan pihak Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) untuk mewajibkan penggunaan senjata itu pada setiap pesawat.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Advanced Taser, Sarjan Steve Hadley, berkata pihaknya sudah menguji penggunaan senjata berkenaan dalam pesawat.

Beliau berkata, jika ia tersasar dan terkena sistem pesawat, ia tidak akan menjejaskan penerbangan walaupun berlaku ketika sedang mendarat.

"Kita ada mencadangkan supaya Advanced Taser digunakan oleh krew pesawat juga kerana penganas biasanya akan mengancam mereka terlebih dulu sebelum cuba memasuki kokpit pesawat," katanya.

Dengan penggunaan senjata yang kurang berbahaya itu, dapat melengkapkan serta memodenkan sistem pertahanan selain memantapkan perkhidmatan penguat kuasa undang-undang keseluruhannya.

(END)